

Terma dan syarat
Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 11 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022

Terma dan Syarat yang dipinda untuk Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE untuk menggantikan Terma dan Syarat yang sedia ada berkuat kuasa dari 28 April 2022.

- Klausula 2.1 telah diubah dengan huruf biru untuk menunjukkan perubahan di dalam Tempoh Kempen.

PERINGATAN: Ahli yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati melalui www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini, Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

"**Bank**" adalah merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Hari**" bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

"**Kempen**" adalah merujuk kepada "Kempen Wealth Connection FY2022 (iii)" untuk Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE" (AmSPB) yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan jantina neuter.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan **bermula pada 11 Februari 2022 dan berakhir pada 30 Jun 2022**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") atau apabila hadiah ganjaran ini telah dituntut sepenuhnya, yang mana terlebih dahulu atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan member Notis Terdahulu.

3 Kelayakan

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli sedia ada/baru AmSPB yang Layak yang memenuhi syarat yang berikut ("**Pelanggan yang Layak**");
- Individu yang berumur 18 tahun ke atas;
 - AmSPB yang Layak merujuk kepada ahli AmSPB yang mempunyai jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (ABP) sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) ke atas di sebarang deposit / pelaburan seperti Akaun Simpanan + Akaun Semasa + Deposit Tetap + Pelaburan;
 - Hendaklah mengekalkan semua akaun mereka dengan Bank dalam keadaan baik, tanpa melanggar terma dan syarat atau perjanjian.

Terma dan syarat
Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 11 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022

- 3.2 Produk Pengurusan "Wealth" yang Layak ("**Produk yang Layak**") di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
- Amanah Saham kecuali Dana "Closed Ended"
 - Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (ASNBV)

4 Mekanik Kempen

- 4.1 Butiran Kempen adalah seperti yang ditetapkan di bawah:
- Pelanggan yang Layak adalah dikehendaki untuk melabur di mana-mana Produk yang Layak dengan minima cas jualan masing-masing seperti Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah **dalam bulan kempen yang sama** semasa Tempoh Kempen bagi melayakkan untuk menerima hadiah ganjaran seperti berikut apabila Borang Pengisian Kempen ditandatangani:

Jadual 1: Produk Pengurusan 'Wealth' (WM) kecuali ASNBV:

Tahap "Wealth" (min. 'RM Jualan)	Minima Cas Jualan Produk WM kecuali ASNBV	Bilangan Pemenang	Hadiah Ganjaran
3,000,000	2.50%	5	1 x Apple iPhone 13 Pro Max - 256GB dan 1 x 12.9" iPad Pro - 128GB WIFI
2,000,000		4	1 x 12.9" iPad Pro - 512GB WIFI
1,000,000		14	1 x Apple iPhone SE (2020) – 128GB
500,000		31	1 x 10.2" iPad - 64GB WIFI
200,000		21	1 x Samsung Galaxy A32 128GB

Jadual 2: ASNBV:

Tahap "Wealth" (min. 'RM Jualan)	Minima Cas Jualan ASNBV	Bilangan Pemenang	Hadiah Ganjaran
6,000,000	1%	7	1 x Apple iPhone 13 Pro Max - 256GB dan 1 x 12.9" iPad Pro - 128GB WIFI
4,000,000	1%	5	1 x 12.9" iPad Pro - 512GB WIFI
3,000,000	1%	13	1 x Apple iPhone SE (2020) – 128GB
1,500,000	1%	29	1 x 10.2" iPad - 64GB WIFI
500,000	2%	15	1 x Samsung Galaxy A32 128GB

- Bagi kelayakan untuk hadiah ganjaran 4.1a di atas, Pelanggan yang Layak adalah dibolehkan untuk menggabungkan jumlah amaun pelaburan dalam Produk yang Layak **dalam bulan kempen yang sama** semasa Tempoh Kempen bagi menentukan hadiah berdasarkan Tahap "Wealth" yang layak diterima oleh mereka dari tarikh tandatangan di Borang Pengisian Kempen dan sekiranya syarat yang ditetapkan di atas dipenuhi. Sebarang pelaburan tambahan selepas penghantaran Borang Pengisian Kempen akan dianggap tidak layak untuk menyertai dan tidak boleh digabungkan dengan pelaburan yang sebelumnya.

5 Hadiah

- Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan di dalam Borang Pengisian Kempen dalam tempoh Sembilan Puluh (90) hari bekerja dari tarikh Tempoh Kempen tamat.
- Jumlah hadiah ganjaran bagi setiap Tahap "Wealth" adalah seperti mana yang dinyatakan dalam klausa 4.1 dan ia akan dihadiahkan berdasarkan "**Siapa Cepat Dia Dapat**".

Terma dan syarat
Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 11 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022

- 5.3 Tertakluk kepada klausa 4.1 dan 5.2, Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat akan menerima Satu (1) hadiah ganjaran sahaja dalam Tempoh Kempen ini.
- 5.4 Sekiranya mana-mana Hadiah ganjaran tidak dituntut selepas Dua (2) minggu atau setelah Dua (2) percubaan penghantaran gagal, mana yang berlaku terdahulu, Perujuk yang Layak mesti secara peribadi mengumpulkan ganjaran hadiah di alamat yang dinyatakan pada pemberitahuan kurier yang dihantar kepada Perujuk yang Layak. Jika tidak, caj penghantaran untuk ganjaran hadiah haruslah dibayar oleh Perujuk yang Layak seperti yang dinyatakan di klausa 5.10 dibawah.
- 5.5 Sebarang ganjaran hadiah yang tidak dituntut Enam (6) minggu selepas tarikh penghantaran awal akan dilucutkan. Pelanggan yang Layak yang hadiah ganjarannya telah dilucutkan tidak berhak mendapat pembayaran atau pampasan tanpa mengira sebab untuk tidak menuntut hadiah.
- 5.6 Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah ganjaran ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Pelanggan yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 5.7 [Apple dan Samsung bukanlah peserta mahupun penaja bagi Kempen ini.](#)
- 5.8 Hadiah ganjaran tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. **Hadiah ganjaran** yang dipaparkan di laman web promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
- 5.9 Pemenuhan dan penghantaran hadiah diuruskan oleh JCMS ProRewards Sdn Bhd alamat berdaftar di 19 Jalan 51/203A, Seksyen 51, Kawasan Perindustrian Tiong Nam, 46050 Petaling Jaya, Selangor. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan supaya maklumat peribadi mereka iaitu nama, nombor telefon dan alamat surat-menyurat mereka diberikan kepada JCMS ProRewards Sdn Bhd untuk tujuan penghantaran hadiah.
- 5.10 Apabila menerima hadiah tersebut, Pelanggan yang Layak hendaklah membuat pemeriksaan dan menentukan kualiti hadiah tersebut. Pelanggan yang Layak perlu berurusan secara langsung dengan pengilang atau JCMS ProRewards Sdn Bhd untuk sebarang hadiah yang akan diganti disebabkan oleh kerosakan atau kecacatan melalui panggilan telefon dengan pengilang atau penjual di 603-7773 1637 atau emel kepada smartxchange@jcmsprorewards.com dalam masa Empat Puluh Lapan (48) jam daripada penerimaan hadiah.
- 5.11 Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali kedua. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampungan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk perhantaran kali pertama sahaja.
- 5.12 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.

6 Kehilangan Kelayakan

- 6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Pelanggan Layak AmSPB daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- (a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau

Terma dan syarat
Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 11 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022

- (b) Pelanggan yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.

7 Liabiliti

- 7.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaruan atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

8 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum yang terdapat melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan anda dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda terhadap terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum.

- 8.1 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 8.2 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.3 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau dipaparkan di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 8.5 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.6 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 8.7 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaruan berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 8.8 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.

Terma dan syarat
Kempen "Wealth Connection" FY2022 (iii) Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 11 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022

- 8.9 Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris juga disediakan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa maksud yang sama.
- 8.10 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 8.11 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com .